

01 OCT 1999

Param-Mahathir

PELAPOR PBB PARAM NAFI SERANG BADAN KEHAKIMAN

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Peguam Datuk Param Cumuraswamy menafikan dakwaan bahawa beliau telah mengecam badan kehakiman Malaysia dan tidak layak untuk memegang jawatannya sekarang sebagai pelapor khas PBB mengenai kebebasan hakim dan peguam.

Dan beliau menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat dakwaan itu dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) pada Rabu untuk menentukan mana-mana kenyataannya yang menunjukkan beliau menyerang badan kehakiman.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir turut mengkritik PBB terhadap apa yang dinamakannya "prinsip luar biasa" dengan memberikan contoh pemilihan pesuruhjaya Bangsa-bangsa Bersatu.

Tanpa menamakan sesiapa tetapi jelas merujuk kepada Param, Dr Mahathir memberitahu badan dunia itu: "Tetapi PBB memilih seorang yang sememangnya terkenal kerana kecamannya terhadap badan kehakiman Malaysia untuk membuat laporan mengenai institusi itu".

PBB memberikan orang itu status imuniti mutlak terhadap undang-undang negaranya sendiri tanpa merujuk atau mendapatkan persetujuan negara terbabit dan imuniti berkenaan jelas sekali melampaui tugasnya untuk mengemukakan laporan kepada PBB, katanya.

Param dalam satu kenyataan berkata imuniti daripada proses perundangan yang dituntut oleh PBB dalam kes beliau adalah selaras dengan Konvensyen Mengenai Imuniti dan Hak Istimewa PBB 1946.

Katanya Malaysia telah mengesahkan Konvensyen itu tanpa sebarang keraguan pada 1957 dan dengan tindakan pengesahan itu Malaysia memberi persetujuan terhadap penggunaannya termasuk terhadap warganegara Malaysia.

"Oleh itu penegasan bahawa PBB memberikan imuniti kepada saya tanpa persetujuan Malaysia adalah tidak munabah dan tidak berasas," kata Param yang diberikan imuniti oleh PBB daripada satu saman di sini yang difailkan terhadap beliau dua tahun lepas.

Dr Mahathir turut mengatakan bahawa di Malaysia Yang di-Pertuan Agong dan Sultan-Sultan juga tidak terkecuali daripada undang-undang.

Param berkata bertentangan dengan kenyataan Perdana Menteri, kenyataan-kenyataan beliau mengenai badan kehakiman Malaysia semuanya berhubung perkara melindungi dan menjamin kebebasan, keadilan serta kewibawaannya.

Param melampirkan keratan akhbar yang menurut beliau "jelas menunjukkan pada akhir 80an saya telah mempertahankan kebebasan badan kehakiman Malaysia daripada serangan Perdana Menteri sendiri".

Merujuk kepada tindakan Dr Mahathir membangkitkan isu itu di UNGA, beliau berkata: "Saya tahu ini merupakan pertama kali dalam sejarah perhimpunan agung PBB seorang ketua kerajaan berdiri berucap dan mengkritik seorang warganegara di negaranya sendiri".

Param, bekas presiden Majlis Peguam Malaysia, turut menyangkal kenyataan Perdana Menteri bahawa beliau telah melanggar undang-undang negara.

Dalam ucapannya Dr Mahathir berkata: "Kita diberitahu bahawa kerajaan tidak harus campur tangan dengan badan kehakiman. Namun begitu dalam kes ini kerajaan diminta mengarahkan badan kehakiman supaya tidak bertindak terhadap pesuruhjaya Bangsa-Bangsa Bersatu itu kerana melanggar undang-undang negara".

Param berkata: "Tiada mahkamah undang-undang yang mendapati saya

menghina mahkamah, bertanggungjawab terhadap perbuatan fitnah atau saya telah melanggar undang-undang negara. Bagaimanapun Perdana Menteri telah terlebih dahulu mengadili dan menjatuhkan hukuman, menjadikan beliau hakim dan juri".

Param berkata di Malaysia sendiri, undang-undang memperuntukkan bagi eksekutif untuk campurtangan dalam proses undang-undang apabila imuniti dituntut oleh seorang diplomat.

"Ia merupakan dasar penting dalam undang-undang konsul dan diplomatik apabila imuniti daripada proses undang-undang dituntut oleh seorang diplomat, pihak eksekutiflah yang menegaskan perkara yang sama dalam mahkamah undang-undang sama ada secara sendiri atau dalam bentuk tulisan. Jika undang-undang sendiri memperuntukkan bagi campurtangan eksekutif dalam proses undang-undang itu bagaimana pula ia boleh dikatakan campurtangan sebegitu akan mengganggu kebebasan kehakiman.

Malahan terdapat satu penghakiman di mahkamah tertinggi England yang memutuskan campurtangan itu tidak bererti ia merupakan campurtangan eksekutif dalam kebebasan badan kehakiman, katanya.

Param berkata beliau dilantik oleh Suruhanjaya mengenai Hak Asasi Manusia pada Mei 1994 dengan mandat untuk memantau kebebasan hakim dan peguam di seluruh dunia.

Katanya beliau sejak itu telah campurtangan dalam lebih daripada 60 negara termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Ireland Utara, Belgium, Australia, New Zealand dan China.

" Saya telah melakukan lawatan negara ke Peru, Columbia, UK dan Ireland Utara, Belgium, Guatemala dan tidak lama lagi akan ke Afrika Selatan. Terdapat beberapa lagi negara yang telah membayangkan akan menjemput saya.

"Saya telah menemui presiden, perdana menteri dan ketua-ketua hakim. Saya telah mengadakan banyak sidang berita di negara-negara ini mengenai kedudukan kebebasan badan kehakiman. Saya tidak pernah menghadapi masalah dengan kerajaan-kerajaan ini dan mahkamah mereka," katanya.

Param berkata amat sedih sekali kerajaan Malaysia yang bercita-cita dan menduduki jawatan tinggi Presiden UNGA , pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan kini kerusi Majlis Keselamatan PBB tidak dapat secara terhormat menerima pendapat mahkamah tertinggi PBB.

Katanya Malaysia terikat dengan keputusan mahkamah tertinggi PBB (yang memberikan beliau imuniti daripada proses undang-undang) kerana ia merupakan pihak kepada perjanjian antarabangsa, bersama dengan organ negara seperti badan kehakiman.

-- BERNAMA

AU RON